

15/11/2003

Pelajar luar negara diminta tidak berpolitik

KUALA LUMPUR: Pelajar yang melanjutkan pelajaran di luar negara, terutama pemegang pinjaman dan biasiswa kerajaan dinasihat tidak membabitkan diri dalam kegiatan yang bertentangan dengan dasar kerajaan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata kerajaan tidak menghalang minat dan kecenderungan pelajar untuk berkecimpung serta menjadi ahli politik, tetapi perlu belajar untuk memperoleh ijazah terlebih dulu sebelum berbuat demikian.

"Jadi ahli politik boleh, tetapi selepas tamat belajar. Sebelum itu, belajar bersungguh-sungguh dan dapatkan ijazah, sarjana atau doktor falsafah terlebih dulu kerana inilah tujuan kita.

"Oleh itu, saya berharap ibu bapa dan institusi yang menaja dan menghantar pelajar ke luar negara memberi nasihat sebelum mereka berangkat ke luar negara," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian sumbangan elaun oleh Yayasan Pendidikan Cheras kepada 170 pelajar Institut Teknologi Web (IT Web), di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai 13 pelajar Malaysia yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sekembali dari Pakistan Isnin lalu.

Pelajar terbabit ditahan pihak berkuasa Pakistan kerana disyaki terbabit dalam kegiatan militan.

Abdul Aziz berkata, pelajar yang mengikuti pengajian di luar negara mesti melaporkan diri kepada Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) atau Kedutaan Malaysia di sebarang laut bagi memudahkan dihubungi apabila timbul sebarang masalah.

Serentak itu, beliau menafikan kerajaan berhasrat mengintip kegiatan pelajar apabila menyarankan mereka berbuat demikian.

Mengenai kes seorang pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) cedera dibelasah 20 pelajar lain di Terengganu, Abdul Aziz berkata, masalah salah laku pelajar kadang kala ada kaitan dengan pengaruh ceramah politik pembangkang.

"Selalu sangat mendengar ceramah jahat, maka mereka dipengaruhi nilai buruk. Kejadian ini bukan saja berlaku di Terengganu tetapi di Kelantan. Kenapa di negeri yang lebih pelbagai bangsa tidak kerap berlaku seperti di Terengganu dan Kelantan," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta pembangkang berhenti menyampaikan ceramah 'nakal' supaya pelajar dan orang ramai tidak terpengaruh dengan kegiatan ganas.

Abdul Aziz yang juga Ahli Majlis Tertinggi Umno turut membidas 68 pertubuhan sosial dan politik yang mendesak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melakukan reformasi menyeluruh dalam tempoh 100 hari pentadbirannya.

Beliau menyifatkan mereka sebagai golongan yang tidak mempunyai idea konkrit dan tidak wajar membuat desakan sedemikian serta tidak melupakan kejayaan yang dicapai kerajaan selama ini.

Malah, katanya, mereka tidak wajar melupakan sumbangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang berjaya mengangkat nama Malaysia sehingga dikenali pada peringkat antarabangsa.

Kelmarin, sekumpulan 68 pertubuhan sosial dan politik mendesak Abdullah melakukan reformasi menyeluruh dalam tempoh 100 hari pentadbirannya, termasuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi memperbetulkan apa yang didakwa mereka kesalahan dua dekad Dr Mahathir.

Dalam `Memorandum Bersama Untuk Perdana Menteri Ke Arah Reformasi Malaysia', kumpulan yang turut disertai pertubuhan cauvinis Cina seperti Dong Zong dan Jiao Zong, serta pembangkang seperti Pas dan Parti Keadilan Nasional, menggesa Abdullah memperbaiki situasi politik negara serta demokrasi.

Pertubuhan lain ialah Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia Malaysia (Hakam), Kumpulan Aktivis Media Independen, Institut Kajian Dasar, Aliran, Sisters In Islam, Tenaganita, Era Consumer Malaysia, Persatuan Tindakan Wanita (Awam), Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Parti Sosialis Malaysia dan Pemuda Sosialis DAP (Dapsy).